



**Kepada Ketua Jabatan Negeri,  
PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 13 TAHUN 2008**

***KUASA UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK  
BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG***

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pemberian kuasa oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menandatangani kontrak Kerajaan bagi pihak Kerajaan Negeri mengikut seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 serta tatacara penyediaan dokumen kontrak.

**LATAR BELAKANG**

2. Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang melalui suratcara bertarikh 8 Oktober 2007 telah memberi kuasa di bawah seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973) kepada pegawai-pegawai kerajaan yang disebutkan jawatannya untuk menandatangani semua jenis kontrak yang disediakan oleh jabatan masing-masing bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, mengikut had harga kontrak yang

ditetapkan seperti di dalam jadual 1- Had Kuasa Pegawai dan Nilai Kontrak.

**Jadual 1- Had Kuasa Pegawai dan Nilai Kontrak**

<b>Pegawai Yang Diberi Kuasa</b>		<b>Nilai Kontrak (Tidak Melebihi) (RM)</b>
1.	<b>Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri</b>	10,000,000.00
2.	<b>Y.B. Pegawai Kewangan Negeri</b>	5,000.000.00
3.	<b>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri</b> a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) c. Ketua Penolong Setiausaha (Khidmat Pengurusan dan Kewangan)	2,000,000.00 2,000,000.00 50,000.00
4.	<b>Jabatan Kewangan Negeri</b> a. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri b. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)	2,000,000.00 50,000.00
5.	<b>Jabatan Kerja Raya</b> a. Pengarah b. Penolong Pengarah Kanan c. Jurutera Daerah	2,000,000.00 500,000.00 250,000.00
6.	<b>Jabatan Pengairan dan Saliran</b> a. Pengarah b. Jurutera	2,000,000.00 500,000.00
7.	<b>Jabatan Pertanian</b> a. Pengarah	100,000.00

<b><u>Pegawai Yang Diberi Kuasa</u></b>		<b><u>Nilai Kontrak (Tidak Melebihi ) (RM)</u></b>
8.	<b>Pejabat Tanah dan Galian</b> a. Pengarah	100,000.00
9.	<b>Pejabat Daerah dan Tanah</b> a. Pegawai Daerah	100,000.00
10.	<b>Jabatan Perkhidmatan Veterinar</b> a. Pengarah	100,000.00
11.	<b>Jabatan Perhutanan</b> a. Pengarah	100,000.00
12.	<b>Jabatan Perancang Bandar dan Desa</b> a. Pengarah	50,000.00
13.	<b>Jabatan Kebajikan Masyarakat</b> a. Pengarah	50,000.00
14.	<b>Jabatan Kebun Bunga</b> a. Pengarah	50,000.00
15.	<b>Jabatan Hal Ehwal Agama</b> a. Pengarah	50,000.00

## **PELAKSANAAN**

3. Penyediaan semua jenis dokumen kontrak oleh jabatan-jabatan hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 204 dan 205. Pegawai-pegawai yang diberi kuasa menandatangani dokumen kontrak juga adalah bertanggungjawab memastikan tatacara pengurusan perolehan, peraturan kewangan yang berkuatkuasa dalam melaksanakan semua jenis kontrak kerajaan dipatuhi sepenuhnya

sebelum ianya ditandatangani untuk melindungi kepentingan Kerajaan.

4. Jabatan-jabatan yang menguruskan kontrak yang melebihi had nilai kontrak yang ditetapkan dalam pemberian kuasa kepadanya seperti jadual di atas hendaklah mengemukakan dokumen kontrak tersebut kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari daripada tarikh dokumen kontrak ditandatangani oleh pihak kontraktor untuk tindakan menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri.

5. Jabatan-jabatan yang tidak diberikuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri hendaklah merujuk semua dokumen kontrak yang dikendalikan oleh jabatan tersebut kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk ditandatangani.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 8 Oktober 2007 iaitu pada tarikh suratcara ini ditandatangani oleh Y.A.B. Ketua Menteri seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 (1), Akta Kontrak Kerajaan 1949.

## **PEMBATALAN**

7. Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2003 dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah.

t/t

**[ DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF ]**

Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang.

☎ 04-650 5183

✉ [supiah@penang.gov.my](mailto:supiah@penang.gov.my)

Tarikh : 24 Julai 2008.

s.k : Y.A.B. Ketua Menteri  
Pulau Pinang

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

e.d. : Bendahari Negeri